

## [MORAL EDUCATION THROUGH SPIRITUAL PRACTICES IN THE MALAYSIAN CEKAK SILAT ARTS ASSOCIATION (PSSCM)]

### PENDIDIKAN AKHLAK MENERUSI AMALAN KEROHANIAN DALAM PERSATUAN SENI SILAT CEKAK MALAYSIA (PSSCM)

*Nur Enanee Ezani*

p97795@siswa.ukm.edu.my (Corresponding Author)

Research Centre for Theology and Philosophy

Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia

43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

*Nozira Salleh*

aziera@siswa.ukm.edu.my

Research Centre for Theology and Philosophy

Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia

43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

#### **Abstract**

Moral education is the most important education in life. Good education and moral development among children is increasingly needed especially in this modern age of many serious moral and ethical problems. This moral education can be obtained through various ways including in Malay martial arts. Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) has the spiritual practices that can form good morals. Thus, the objective of this study is to analyze spiritual practices that can educate and form the noble morals in PSSCM. This study uses qualitative methodology based on content analysis. The study found that PSSCM has spiritual practices aimed at educating the noble morals and this practice does not contradict with Islamic sharia. Therefore, PSSCM is not just about educating people who can take care of themselves but also forming a superior personality and virtuous character.

**Keywords:** spirituality, education, Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, good morals, Islamic sharia

#### **Abstrak**

Pendidikan akhlak merupakan pendidikan yang amat penting dalam kehidupan. Pendidikan dan pembinaan akhlak yang baik di kalangan anak-anak semakin diperlukan terutamanya pada zaman moden ini yang sering dihadapkan dengan masalah moral dan akhlak yang cukup serius. Maka, pendidikan akhlak ini boleh di dapat melalui pelbagai cara antaranya pendidikan melalui seni bela diri. Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) mempunyai amalan kerohanian yang tersendiri dan ia mampu membentuk akhlak yang mulia. Justeru, objektif kajian ini adalah menganalisis amalan kerohanian yang dapat mendidik serta membentuk akhlak mulia yang terdapat di dalam PSSCM. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif yang berlandaskan kepada analisis kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) mempunyai amalan kerohanian yang bertujuan mendidik akhlak yang mulia serta amalan ini tidak bercanggah dengan landasan syariat Islam. Maka, PSSCM bukan hanya melahirkan insan yang mampu menjaga diri bahkan melahirkan insan yang mempunyai peribadi yang unggul serta berakhhlak mulia.

**Kata Kunci:** kerohanian, pendidikan, Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, akhlak mulia, syariat Islam

Article Received:  
21 August 2020

Article Reviewed:  
17 November 2020

Article Published:  
30 November 2020

## PENGENALAN

Amalan kerohanian merupakan amalan spiritual yang menguasai dalaman seseorang. Amalan ini sering dikaitkan dengan amalan-amalan baik yang bertujuan untuk mencapai sahsiah yang baik di dunia dan di akhirat (Awang et al., 2017). Amalan ini perlu kepada didikan dan latihan yang sewajarnya dan salah satunya adalah pendidikan akhlak.

Menurut Asmawati (2007), pendidikan tidak dapat dipisahkan daripada nilai-nilai akhlak dan moral. Hal ini dapat dilihat daripada perkataan dalam bahasa Arab iaitu *ta'dib* yang bermaksud pendidikan yang digunakan daripada kata dasarnya *addaba* yang bermaksud mendidik dan mengajar adab atau akhlak.

Perkataan akhlak pula berasal dari perkataan bahasa Arab '*khuluqun*' yang bererti perangai, tabiat, adat, atau '*khalqun*' yang berarti kejadian, buatan atau ciptaan. Maka, akhlak itu adalah perangai, adat tabiat atau sistem perilaku yang dibuat (Syaepul, 2017).

Akhlik dalam Islam terbahagi kepada dua kategori iaitu akhlak yang mulia dan akhlak yang tercela. Akhlak yang mulia adalah akhlak yang harus diterapkan dalam kehidupan seharian manakala akhlak yang tercela pula harus dijauhi (Syaepul, 2017).

Kepentingan pendidikan akhlak dan moral telah diakui oleh semua masyarakat (Asmawati, 2007). Pendidikan dan pembinaan akhlak yang baik di kalangan anak-anak semakin diperlukan terutama pada zaman moden ini yang sering dihadapkan dengan masalah moral dan akhlak yang cukup serius (Syaepul, 2017).

Oleh yang demikian, agama merupakan asas yang berperanan dalam pembentukan akhlak manusia. Hal ini kerana, tanpa ikatan agama suatu pendidikan akhlak itu tidak akan mantap dan kekal malah hanya bersifat sementara yang akhirnya membawa kepada kegagalan pendidikan akhlak (Asmawati, 2007).

Di samping agama, terdapat juga kaedah lain dalam mendidik akhlak manusia seperti seni silat. Seni silat merupakan seni yang tidak asing dalam kalangan masyarakat Melayu. Hal ini kerana, seni silat merupakan hasil ciptaan orang Melayu dalam seni mempertahankan diri. Terdapat pelbagai seni bela diri di Malaysia dan masih dipelajari oleh orang Melayu hari ini antaranya Silat Gayong Malaysia, Silat Cekak Malaysia, Silat Gayung Fatani, Silat Cekak Harimau, Silat Sendeng dan banyak lagi. Walaupun seni silat ini terkenal dengan ilmu dan amalan mempertahankan diri, namun pada masa yang sama ia juga mampu membentuk akhlak dan peribadi yang mulia.

Maka, kajian ini akan merungkaikan salah satu persatuan seni silat di Malaysia iaitu Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) dari sudut amalan kerohanianya yang mampu mendidik akhlak yang mulia dan amalannya tidak mengandungi unsur tahayul dan khurafat.

## LATAR BELAKANG PERSATUAN SENI SILAT CEKAK MALAYSIA (PSSCM)

Silat Cekak berasal dari Negeri Kedah Darul Aman yang pernah diamalkan oleh panglima-panglima kanan Kerajaan Kedah di zaman Kesultanan Sultan Ahmad Tajuddin II (1854-1879). Terdapat seorang panglima kanan kerajaan Kedah yang bernama Panglima Ismail pernah menewaskan seorang batak bernama Tuah (bukan Hang Tuah) di Kerian, Perak (di waktu itu Kerian di bawah pemerintahan kerajaan Kedah). Panglima ini telah menurunkan ilmu silat ini kepada Panglima Tok Rashid yang berasal dari Sungai Daun Kedah. Ketika kampung halaman Panglima Tok Rashid diserang wabak taun, beliau dan isterinya telah meninggalkan kampungnya itu dan berpindah ke Kerian lebih 100 tahun lalu. Oleh kerana lanjutnya usia Panglima Tok Rashid, beliau telah menurunkan Silat Cekak ini kepada Yahya Said yang berasal dari Batu Kurau, Taiping (Wan Mohd, 2007: 8-9).

Maka, Panglima Tok Rashid telah meninggalkan wasiat ini kepada Yahya Said yang ketika itu berumur 20 tahun, "Jika ada anak cucuk di Kedah hendak belajar silat ini,

hendaklah kau pulangkan kembali". Yahya Said melunaskan wasiat ini sebagai 'pemegang amanah' selama 40 tahun sehingga datangnya Hanafi bin Ahmad yang berasal dari negeri Kedah dan telah bertemu dengan Yahya Said (Anon, 2011: 25).

Oleh kerana minatnya Hanafi yang amat mendalam terhadap silat ini, beliau telah dapat mewarisi kembali seni pusaka bangsa ini daripada Yahya Said pada 5 Ramadan 1385 Hijrah, bersamaan 28 Disember 1965, bertempat di rumah Shafie Darus, Batu 4 ¾, Jalan Gunung Alor Setar, Kedah. Silat Cekak berjaya dilahirkan kembali menerusi Perkumpulan Seni Sari Budaya Sri Kedah yang ditubuhkan pada Februari 1964. Setelah itu, Silat Cekak ini diperkenalkan dan diperkembangkan melalui Persatuan Seni Silat Chekak Kedah Malaysia. Kemudian, pada 19 Ogos 1971, Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia telah didaftarkan dan diasaskan oleh Hanafi bin Ahmad (Wan Mohd, 2007: 8-9).

Pada 13 Ogos 1986, Hanafi telah meninggal dunia setelah menerajui PSSCM dan mengembangkan silat ini ke seluruh negara selama 21 tahun. Tanggungjawab Guru Utama merangkap Presiden PSSCM ini diteruskan pula oleh Ishak bin Itam bermula pada 21 September 1986 (Wan Mohd, 2007). Beliau terus menerajui PSSCM sehingga beliau menyerahkan pucuk pimpinan Silat Cekak kepada Datuk Haji Maideen bin Kadir Shah pada 3 Jun 2009. Datuk Haji Maideen bin Kadir Shah merupakan Guru Utama PSSCM dari 3 Jun 2009 sehingga ke hari ini (Anon, 2011: 32-37).

Menurut Halimah (1977), pengasas PSSCM iaitu Hanafi sentiasa menjaga keperibadiannya supaya dapat dijadikan contoh kepada anak-anak murid. Antara keperibadian yang ditonjolkan oleh Hanafi ialah beliau sejak muda sentiasa menjauhkan diri daripada perbuatan-perbuatan maksiat, tidak minum minuman keras, tidak berjudi, sentiasa menepati janji dan tidak bercakap bohong.

Di samping itu, beliau juga seorang yang sangat tegas dengan pendiriannya, berani dan tidak mahu mengaku kalah. Pengajaran dan penubuhan PSSCM oleh Hanafi bukan hanya sekadar silat bahkan beliau ingin membimbang anak-anak muridnya ke jalan yang benar. Perwatakan beliau yang warak dan mesra dengan anak-anak murid secara tidak langsung telah mengasuh dan mendidik anak-anak muridnya dari aspek rohani (Halimah, 1977). Maka, keperibadian guru memainkan peranan yang penting buat anak murid sebagai contoh dan ikutan dari aspek keperibadian supaya terdidik daripada asuhan rohani.

Di samping itu, Silat Cekak ini ditubuhkan dengan pelbagai tujuan dan matlamat. Antaranya ialah yang pertama untuk menghidupkan, memperkenalkan serta menyesuaikan pusaka bangsa yang merupakan seni kebudayaan keturunan Melayu yang hampir dilupakan. Keduanya adalah untuk menanam perasaan cinta dan kasih terhadap hak dan warisan mutlak bangsa Melayu. Ketiganya, menanamkan semangat untuk bertanggungjawab menjaga diri sendiri tanpa bergantung kepada orang lain. Keempat, memberi pengertian mengenai tujuan dan matlamat bersilat serta tujuan hidup yang sebenar. Seterusnya yang kelima adalah membasmi dan menentang tahayul dan khurafat yang tidak sesuai dengan iktikad Islam. Keenam, menanam semangat dan roh Islam sebagai pegangan bagi menghadapi semua keadaan. Akhir sekali, memberi fahaman supaya dapat membezakan antara yang salah dan yang betul, antara dunia dan akhirat (Halimah, 1977: 51-51).

Berdasarkan tujuan dan matlamat Silat Cekak di atas, maka tertubuhlah misi dan visi bagi Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM). Misi bagi PSSCM adalah memimpin dan membentuk ahli-ahli PSSCM khususnya dan orang Melayu amnya supaya beriman dan bersatu untuk mempertahankan agama, bangsa dan negara. Manakala, visi PSSCM adalah mendaulatkan seni silat Melayu yang asli, khususnya Silat Cekak Malaysia dan membersihkan segala tahayul dan khurafat yang tidak sesuai dengan iktikad Islam. Oleh yang demikian, melihat kepada matlamat PSSCM serta visi dan misi PSSCM yang dinyatakan di atas, jelas membuktikan bahawa PSSCM ditubuhkan atas dasar agama dan keimanan (Wan Mohd, 2007: 2; Anon, 2011: 28).

## **AMALAN KEROHANIAN DALAM PERSATUAN SENI SILAT CEKAK MALAYSIA (PSSCM): PERANANNYA DALAM MEMBENTUK AKHLAK PESILAT**

Menurut *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka* (2016), amalan membawa maksud sesuatu yang dilakukan sebagai kebiasaan. Manakala, kerohanian pula adalah perihal rohani iaitu perkara yang berkaitan dengan jiwa. Oleh yang demikian, amalan kerohanian membawa maksud sesuatu yang dilakukan yang mempunyai kaitan dengan jiwa. Apabila melibatkan kerohanian pasti mempunyai kaitan dengan pendidikan jiwa dan pembentukan akhlak. Justeru, kajian ini akan membincangkan amalan kerohanian yang terdapat dalam Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) serta peranannya dalam membentuk akhlak pesilat.

### **Baiah (Majlis Ijazah)**

Baiah merupakan proses perundingan dan perdamaian yang terdapat pada zaman Rasulullah SAW lagi. Terdapat dua kali yang berlaku pada zaman Rasulullah iaitu pertamanya dinamakan Bay'at al-'Aqabah dan keduanya adalah Bay'at al-Ridwan (Norhayati, Nurul & Safiyyah, 2012).

Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) juga mempunyai baiah ataupun majlis ijazah untuk proses pembelajaran Seni Silat Cekak Malaysia. Majlis ijazah ini merupakan tradisi yang ada dalam PSSCM iaitu majlis rasmi di antara murid dengan guru. Sebelum seseorang ahli mempelajari silibus Silat Cekak, mereka seharusnya meminta izin dan restu terlebih dahulu daripada guru agar ilmu yang diperoleh kelak mendapat keberkatan dan keredaan Allah SWT (Khaharuddin, 2012: 4).

Dalam sistem pengijazahan Silat Cekak, terdapat tiga peringkat ijazah iaitu Ijazah Pertama (Peringkat Asas), Ijazah Kedua (Peringkat Potong) dan Ijazah Ketiga (Peringkat Tamat). Bagi Ijazah Pertama, Guru Utama dan ahli baru akan bersalaman (baiah) di atas kain putih dan ahli baru tersebut akan mengangkat sumpah dengan nama Allah dan berjanji untuk tidak melanggar pantang larang Silat Cekak. Setelah selesai majlis tersebut, setiap ahli baru akan diberi kain putih berukuran  $2 \frac{1}{2}$  ela untuk dijadikan cadar sebagai alas tidur selama tiga malam. Selepas selesai tiga malam, kain putih itu perlu diserahkan kembali kepada pembantu jurulatih.

Kemudian, Ijazah Kedua pula adalah syarat bagi seseorang ahli itu untuk mempelajari pelajaran di peringkat potong. Setelah selesai proses ijazah, ahli tersebut akan dimandikan dengan air yang bercampur air limau purut oleh jurulatih sebagai wakil kepada Guru Utama. Bagi Ijazah Ketiga pula akan menjalani proses yang sama seperti Ijazah Kedua dan terdapat satu penambahan iaitu setiap ahli yang selesai diijazahkan akan diberi kain putih berukuran  $2 \frac{1}{2}$  ela. Kain putih tersebut bertujuan untuk dijadikan kain basahan mandi selama 40 hari beserta dengan amalan tawassul (Wan Mohd, 2007: 15-19).

Oleh yang demikian, proses baiah dalam Seni Silat Cekak ini mendidik pesilat bahawa keberkatan guru dalam proses menimba ilmu itu amat penting. Hal ini dapat dilihat dalam proses ijazah dalam Seni Silat Cekak itu sendiri yang mengkhususkan satu perjumpaan bagi setiap pesilat untuk bertemu dengan Guru Utama bagi memohon keizinan bagi mempelajari Seni Silat Cekak Malaysia. Di samping itu, proses baiah ini juga mendidik pesilat supaya berpegang kepada janji iaitu untuk tidak melanggar pantang larang Seni Silat Cekak Malaysia. Justeru itu, proses baiah ini secara tidak langsung mendidik pesilatnya untuk mentaati guru dan juga berpegang pada janji.

### Pantang Larang PSSCM

Pantang larang merupakan gabungan kata yang berasal daripada perkataan ‘pantang’ dan ‘larang’. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016), gabungan kedua-dua kata tersebut iaitu pantang larang memberi maksud perbuatan yang terlarang dilakukan menurut adat atau kepercayaan. Pantang bermaksud tegahan daripada melakukan sesuatu kerana dipercayai akan membawa kesan yang buruk. Manakala, perkataan larang pula memberi maksud tegahan daripada melakukan sesuatu perkara atas dasar kuat kuasa undang-undang atau peraturan, sama ada yang bertulis atau tidak (Nur Diyana & Hasmidar, 2018).

Terdapat lima pantang larang dalam Silat Cekak iaitu tidak boleh derhaka kepada guru, tidak boleh derhaka kepada ibu, tidak boleh derhaka kepada bapa, tidak boleh bergaduh sesama ahli dan tidak boleh mencaci seni silat Melayu asli yang lain (Halimah, 1977: 54; Wan Mohd, 2007: 11; Khaharuddin, 2012: 5). Berdasarkan kelima-lima pantang larang tersebut, terdapat dua pembahagian suruhan yang boleh dibuat iaitu suruhan untuk mengenang jasa dan suruhan untuk bermasyarakat (Abdul Majid & Khaharuddin, 2014: 8-16).

Suruhan untuk mengenang jasa ini terangkum dalam tiga perkara dalam pantang larang PSSCM iaitu tidak boleh derhaka kepada guru, tidak boleh derhaka kepada ibu dan tidak boleh derhaka kepada bapa.

Guru merupakan sumber ilmu pengetahuan dan pemandu arah dalam kehidupan manusia. Hal ini kerana, hidup manusia ini secara fitrahnya memerlukan kepada guru sebagai petunjuk jalan dalam kehidupan dan juga ilmu pengetahuan (Wan Mohd, 2007). Di samping itu, Hanafi amat menekankan mengenai keberkatan dalam berguru, hal ini dapat dijelaskan melalui rangkap pantun Silat Cekak yang disusun oleh beliau sendiri iaitu (Halimah, 1977),

Taat ke guru membawa berkat,  
Sedikit belajar banyak yang dapat,  
Jika menderhaka menjadi mudarat,  
Semua ilmu tiada yang lekat.

Berdasarkan kepada rangkap pantun Silat Cekak di atas, guru merupakan insan yang memberi keberkatan dalam hidup kerana guru membentuk dan mendidik individu menjadi insan yang mulia di dunia dan juga di akhirat. Jika derhaka kepada guru, maka keberkatan hidup akan hilang. Imam al-Ghazali (1980) juga ada menyatakan mengenai kepentingan guru dalam kitabnya *Ihya' 'Ulum al-Din* bahawa,

Hak seorang guru adalah lebih besar dari hak ibu bapa. Ibu bapa menjadi sebab lahirnya anak itu dan dapat hidup di dunia yang fana ini. Sedangkan guru menjadi sebab anak itu memperoleh hidup yang kekal. Kalau tidak ada guru, maka apa yang diperoleh si anak itu daripada orang tuanya dapat membawa kepada kebinasaan yang berterusan. Guru merupakan insan yang memberikan kegunaan hidup akhirat yang abadi. Iaitu guru yang mengajar ilmu akhirat ataupun ilmu pengetahuan dunia, tetapi dengan tujuan akhirat.

Seterusnya, bagi perkara yang kedua dan ketiga dalam pantang larang PSSCM iaitu tidak boleh derhaka kepada ibu dan tidak boleh derhaka kepada bapa adalah jelas suatu tuntutan. Hal ini kerana, peranan ibu dan bapa amat besar dan tidak ternilai dalam hidup di dunia. Firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa' 4:36,

وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينَ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَى وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجُنُبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا

Maksudnya:

Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah, dan janganlah kamu mempersekuat dengan sesuatu apa jua, dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba sahaya yang kamu miliki, sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sompong dan membangga-banggakan diri.

Berdasarkan firman di atas, Allah SWT memerintahkan manusia supaya beribadat kepadaNya dan tidak mempersekuatNya seterusnya berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Hanafi juga menekankan mengenai ketaatan kepada ibu bapa dan juga akibat derhaka kepada keduanya melalui rangkap pantun Silat Cekak iaitu (Halimah, 1977),

Dua ibu bapa tak boleh derhaka,  
Besar jasanya kepada kita,  
Kalau menderhaka bahaya menimpa,  
Di akhirat kita masuk neraka.

Justeru, konsep mengenang jasa kepada orang yang ‘amat berjasa’ pada setiap individu dalam hidupnya merupakan teras kepada pendidikan akhlak yang sempurna seperti yang dikehendaki oleh agama Islam. Guru merupakan orang yang berjasa dalam membimbing roh dan jasad manusia di dunia dan di akhirat. Manakala, ibu bapa pula telah banyak berkorban dan jasanya tidak akan mampu di balas oleh anak-anak.

Oleh yang demikian, tiga pantang larang Silat Cekak yang telah dihuraikan di atas bertujuan mendidik pesilat untuk menghormati dan mentaati guru, ibu dan bapa selagi mana tidak bercanggah dengan syariat Islam.

Seterusnya, bagi suruhan untuk hidup bermasyarakat pula terangkum dalam pantang larang PSSCM yang keempat dan yang kelima dalam iaitu tidak boleh bergaduh sesama ahli dan tidak boleh mencaci seni silat Melayu asli yang lain. Firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat 49:10,

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَاصْلِحُوهَا بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرَحَّمُونَ

Maksudnya:

Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah diantara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.

Ayat tersebut menunjukkan bahawa Allah SWT memerintahkan manusia supaya berdamai dan berbuat baik sesama manusia. Ini bermakna, sikap tidak boleh bergaduh sesama ahli yang disusun dalam pantang larang PSSCM ini menjurus kepada penyatuan dan perpaduan sesama ahli (Wan Mohd, 2007: 53-54).

Berdasarkan amalan ini, ia sememangnya membentuk penyatuan dan perpaduan yang bukan hanya tertumpu kepada ahli persatuan sahaja bahkan perlu disebarluaskan kepada masyarakat yang lain supaya masyarakat hidup dalam suasana yang harmoni seperti yang dianjurkan dalam Islam. Maka, dengan wujudnya pantang larang ini kepada

ahli Silat Cekak secara tidak langsung mendidik dan melahirkan manusia yang mencintai keharmonian dan kedamaian dalam masyarakat. Seterusnya, ia akan mengajar dan mengajak orang di sekelilingnya untuk mencintai kedamaian dengan mengelakkan daripada berlakunya pergaduhan sesama manusia.

Seterusnya, bagi pantang larang yang terakhir iaitu tidak boleh mencaci segala rupa silat Melayu asli yang lain adalah bertujuan mendidik manusia untuk menjaga tutur kata daripada berkata yang tidak baik. Hal ini kerana, dengan perkataan yang tidak baik, hubungan manusia boleh berpecah belah dan akan menyebabkan pergaduhan sesama manusia. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Hujurat 49:11,

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا يَسْخِرُ قَوْمٌ مِّنْ قَوْمٍ عَسَى أَنْ يَكُونُوا خَيْرًا  
مِّنْهُمْ وَلَا تَمْلِئُوا أَنفُسَكُمْ وَلَا تَتَبَرَّوْا بِالْأَلْقَابِ بِئْسَ إِلَّا سُوءُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَنْ لَمْ يَتُبْ فَأُولَئِكَ هُمُ  
الظَّالِمُونَ

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah sesuatu puak (dari kaum perempuan) mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah sesetengah kamu menyatakan keaiban sesetengah yang lain; dan janganlah pula kamu panggil memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan tersebut menyebabkan orang lain yang melakukannya menjadi fasik, maka) amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah ia beriman. Dan (ingatlah!) sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka merekalah orang-orang yang zalim.

Oleh yang demikian, berdasarkan lima perkara dalam pantang larang Silat Cekak yang dinyatakan di atas, maka dapat dijelaskan bahawa pantang larang PSSCM ini bertujuan mendidik ahlinya menjadi seorang yang menghormati insan yang menjadi sumber keberkatan yang utama dalam hidup iaitu guru, ibu dan bapa. Seterusnya, mendidik ahli Silat Cekak supaya menjaga hubungan sesama manusia dan tidak memandang rendah atau mencaci sesama manusia.

Secara jelasnya, semua pantang larang ini dapat membentuk perilaku dan akhlak terutama kepada pesilat PSSCM supaya menjadi manusia yang beragama, beradab sopan, menjaga hubungan sesama manusia serta berakhhlak mulia. Hal ini kerana, pantang larang ini jika dilanggar oleh pesilat pasti akan memberikan kesan yang buruk di dalam hidup pesilat tersebut. Maka, dengan adanya pantang larang ini pasti akan membuatkan setiap pesilat itu berhati-hati dengan setiap perilaku yang ingin dilakukan.

### Kain Putih

Adat dalam Seni Silat Cekak Malaysia adalah setiap penuntut dikehendaki tidur selama tiga hari di atas kain putih selepas majis ijazah pertama dan sehelai kain putih akan dianugerahkan oleh guru utama untuk disimpan oleh penuntut selepas majlis ijazah tamat. Simbolik penggunaan kain putih yang pertama ialah dibuat cadar selama tiga malam sebagai tanda suci dan bersih niat penuntut untuk mempelajari Seni Silat Cekak Malaysia setelah berikrar dengan pantang larang yang telah dihuraikan di atas. Sebelum

tidur juga, penuntut dikehendaki berwuduk bagi membersihkan jasmani serta rohani dan ini adalah amalan sunat yang ada di dalam agama Islam (Wan Mohd, 2007: 15-19; Khaharuddin, 2012: 7).

Manakala, kain putih yang kedua pula iaitu yang dianugerahkan oleh guru utama setelah penuntut tamat latihan Seni Silat Cekak Malaysia. Kain putih ini pula digunakan oleh penuntut sebagai kain basahan mandi selama 40 hari dengan diiringi doa *tawassul*. Kain tersebut hendaklah disimpan setelah 40 hari dijadikan kain basahan mandi. Putih adalah simbolik suci dan bersih, maka penuntut Seni Silat Cekak Malaysia ditekankan agar sentiasa membersihkan jasmani dan rohani sepetimana putihnya kain tersebut. Kebersihan jasmani seperti tubuh badan, pakaian, harta benda serta setiap yang zahir dari anggota tubuh amat dititikberatkan oleh guru-guru Seni Silat Cekak Malaysia apatah lagi kebersihan rohani (Khaharuddin, 2012: 7). Kain putih merupakan simbolik sebagai memberi peringatan kepada penuntut bahawa asal fitrah kejadian manusia itu bersih. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, “Setiap anak dilahirkan dalam fitrah (seperti kain putih bersih suci), ibu bapa lah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi.” (riwayat al-Bukhari RA).

Kain putih juga adalah tanda untuk sentiasa mengingati mati. Konsep mengingati mati dalam Islam ialah dengan beribadah seperti mati pada keesokan harinya dan bekerja seperti akan hidup seribu tahun lagi (Khaharuddin, 2012: 8).

Oleh yang demikian, kain putih ini juga secara tidak langsung mendidik pesilat supaya sentiasa beringat dan berperilaku baik di atas dunia. Hal ini kerana, kain putih tersebut perlu di bawa bersama dengan setiap pesilat yang telah tamat dan hal ini menyebabkan pesilat akan lebih berjaga-jaga dalam melakukan sesuatu perkara. Maka, kain putih ini akan mendidik jiwa pesilat untuk sentiasa melakukan perkara yang baik dan menonjolkan akhlak yang mulia.

### Mandi Limau

Mandi limau juga merupakan adat dalam Seni Silat Cekak Malaysia. Bagi proses ini, penuntut dikehendaki mandi limau sebanyak dua kali iaitu semasa ijazah kedua iaitu ijazah peringkat potong dan juga ijazah tamat (Halimah, 1977). Simbolik amalan mandi limau ini adalah untuk membersihkan diri bersesuaian dengan matlamat PSSCM iaitu untuk melahirkan insan yang bersih rohani dan jasmani. Limau yang digunakan ketika mandi adalah limau purut iaitu digunakan sebagai alat pembersih seperti menggunakan sabun ketika mandi (Khaharuddin, 2012: 9).

Limau dipilih sebagai alat pencuci kerana pada limau terdapat banyak kelebihannya. Dalam ilmu perubatan Islam, Sharhan Safie iaitu seorang pengamal perubatan Islam menyatakan limau purut dan limau nipis biasa digunakan dalam perubatan kerana kesan limau sangat mujarab dan terlalu hebat. Beliau menyatakan bahawa jin tidak suka dengan asid yang ada di dalam limau purut dan limau nipis tersebut (Khaharuddin, 2012: 9).

Justeru, amalan mandi limau ini mendidik pesilat supaya sentiasa menjaga kebersihan diri. Hal ini kerana, apabila diri berada dalam keadaan bersih, maka ia memudahkan urusan sehari-hari untuk beribadah kepada Allah SWT. Selain itu, menjaga kebersihan juga merupakan sebahagian daripada iman.

### Doa Tawassul

Tawassul menurut Ibn Athir dalam kitabnya *al-Nihayah*, *al-wasil* ertinya orang yang berkeinginan iaitu ingin mencapai sesuatu. Manakala, *al-wasilah* pula ertinya pendekatan, perantara dan sesuatu yang dijadikan untuk menyampaikan serta mendekatkan kepada

sesuatu. Menurut Ibn Faris di dalam *al-Mu'jam al-Maqayis*, *al-wasilah* adalah keinginan dan tuntutan. *Wasala* pula ialah apabila ia berkeinginan dan *al-wasil* ertinya orang yang ingin (sampai) kepada Allah (al-Albani & al-'Ulyani, 1998).

Berdasarkan definisi tersebut, tawassul bermaksud menghampiri dan menyampaikan sesuatu kepada Allah SWT melalui sesuatu. Allah SWT berfirman di dalam Surah al-Maidah 5:35,

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَابْتَغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ وَجَاهِدُوا فِي سَبِيلِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya:

Hai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah dan carilah jalan yang boleh menyampaikan kepada Nya dengan menjunjung perintahNya dan meninggalkan laranganNya, dan berjuanglah pada jalan Allah (kerana menegakkan Islam), supaya kamu beroleh kejayaan.

Berdasarkan firman Allah SWT tersebut, *wasilah* merupakan perkataan yang mempunyai kaitan yang amat rapat dengan tawassul. Menurut Ibn Kathir yang mengambil daripada Ibn 'Abbas bahawa makna *wasilah* di dalam ayat tersebut adalah pengamalan ibadah yang dapat mendekatkan diri kepada Allah. Ibn Kathir pula berkata, "Wasilah adalah sesuatu yang menjadi perantara untuk mencapai tujuan" (al-Albani & al-'Ulyani, 1998). Oleh yang demikian, tawassul pula merupakan amalan ataupun manhaj bagi mencapai dan memenuhi sesuatu melalui perantara.

Amalan tawassul ini merupakan amalan yang disyariatkan dalam Islam. Hal ini kerana, amalan ini disebut di dalam al-Qur'an, Hadis dan juga dibincangkan dan disepakati oleh ulama. Akan tetapi, amalan tawassul ini juga sering menjadi isu dan salah faham dalam kalangan masyarakat kerana terdapat amalan yang menjadi perantara seperti tawassul akan tetapi membawa kepada syirik (Abu Anas, 2006). Oleh yang demikian, para ulama telah menggariskan ciri-ciri amalan tawassul yang disyariatkan oleh sumber utama iaitu al-Qur'an dan Hadis dan terdapat juga amalan *tawassul* yang tidak disyariatkan iaitu tawassul yang membawa kepada mensyirikkan Allah SWT.

Antara tawassul yang disyariatkan di dalam Islam adalah tawassul kepada Allah SWT dengan beriman kepada Nabi Muhammad SAW dan taat kepadanya. Seterusnya, *tawassul* kepada Allah SWT melalui nama dan sifat-sifatNya. Kemudian, tawassul kepada Allah SWT melalui doa dan syafaat Rasulullah SAW. Selain itu, tawassul kepada Allah SWT melalui amal-amal soleh dan juga tawassul kepada Allah SWT melalui doa daripada orang-orang soleh (Udah Mohsin, 1998; al-Albani & al-'Ulyani, 1998; Abu Anas, 2006).

Manakala, amalan tawassul yang tidak disyariatkan pula adalah amalan yang meminta daripada makluk seperti bertawassul dengan berhala, pokok, binatang atau dengan perkataan lain bertawassul dengan manusia seperti para anbiya atau orang soleh. Tawassul yang dipertikaikan oleh ulama lebih baik dijauahkan kerana tidak mempunyai dalil yang sah lagi jelas (Udah, 1998).

Contoh amalan tawassul yang tidak disyariatkan oleh ulama adalah tawassul dengan pemujaan di atas kubur orang-orang soleh, tawassul dengan menggunakan perantaraan berhala, pokok, jin, binatang atau meminta kepada makhluk lain sehingga lupa kepada Allah SWT (Udah, 1998; Nozira, 2013; Amin, 2016). Tawassul jenis ini jelas menunjukkan bahawa perbuatan mensyirikkan kepada Allah kerana mengutamakan Allah sebagai Pencipta yang memiliki segala-galanya, bahkan menggunakan pemujaan dengan perantara makhluk seperti pokok, jin, binatang dan sebagainya.

Konsep tawassul dalam Seni Silat Cekak Malaysia ini adalah dengan memohon kepada Allah SWT agar diberi keselamatan sepertimana Allah SWT telah berikan kepada Nabi-Nabi Allah SWT. Pengkhususan Nabi-Nabi yang digunakan dalam tawassul Seni Silat Cekak Malaysia adalah Nabi *Ulu al-'Azmi*. Amalan tawassul dalam Seni Silat Cekak

Malaysia ini bertujuan sebagai peringatan kepada ahlinya bahawa seseorang manusia itu tidak boleh bergantung kepada ilmu yang telah dipelajari. Hal ini adalah untuk memberi kesedaran kepada ahlinya bahawa silat hanyalah sebagai alat untuk mempertahankan diri dan segalanya perlu kembali kepada Allah SWT. Amalan ini amat bersesuaian dengan konsep doa dalam Islam iaitu dengan berusaha terlebih dahulu iaitu dengan mempelajari, kemudian berdoa sebagai tawakkal kepada Allah SWT (Khaharuddin, 2012: 9).

Justeru, amalan tawassul ini mendidik pesilat supaya sentiasa bergantung kepada Allah SWT dengan memohon kepadaNya. Hal ini juga adalah untuk mendidik pesilat supaya beriman kepada Allah dan tidak mempersekuatkanNya dengan hanya meminta pertolongan dan keselamatan daripada Allah SWT dalam setiap urusan yang dilakukan.

### **Pergerakan Buah-buah Seni Silat Cekak Malaysia**

Menurut Khaharuddin (2012), pergerakan buah-buah Seni Silat Cekak Malaysia mengikut sifat semula jadi manusia. Menanti serangan dalam Seni Silat Cekak Malaysia adalah dengan berdiri lurus dan tidak berkuda-kuda sepetimana seni bela diri yang lain. Berdiri lurus yang dimaksudkan adalah berdiri lurus normal seperti lurus dalam solat iaitu rukun solat yang pertama. Terdapat banyak signifikan berdiri lurus antaranya ialah berserah diri sepenuhnya kepada Allah SWT setelah berusaha dengan ilmu yang dipelajari. Berdiri lurus juga merupakan perbuatan semula jadi manusia yang dikurniakan Allah SWT kepada manusia.

Pergerakan rupa bentuk Seni Silat Cekak Malaysia adalah diambil dan diadaptasi daripada pergerakan dan rupa bentuk solat. Terdapat 21 buah matapelajaran dalam Seni Silat Cekak Malaysia yang diasaskan daripada empat kaedah iaitu Kaedah A, B, C dan D. Kaedah A merupakan gerakan yang diambil daripada gerakan doa.

Kaedah B pula diambil daripada pergerakan *qiyam* dalam solat. *Qiyam* bermaksud satu kelakuan dengan meletakkan dua tangan di bawah dada dan di atas pusat. Ia melambangkan ketenangan dalam mengingati Allah SWT. Maka, Kaedah B ini menggambarkan ketenangan, tetap diri serta ingat kepada Allah ketika berhadapan dengan musuh.

Kaedah C pula diilhamkan daripada gerakan rukuk, manakala Kaedah D diilhamkan daripada gerakan takbiratul ihram dalam solat. Daripada empat kaedah ini maka lahirlah buah-buah mata pelajaran Seni Silat Cekak Malaysia berjumlah 21 buah. Jika pergerakan solat untuk menjaga rohani, manakala pergerakan silat adalah untuk menjaga jasmani. Di samping itu, buah mata pelajaran Seni Silat Cekak Malaysia amat menjaga tatasusila adab Melayu iaitu penggunaan kaki terhadap musuh yang tidak melebihi daripada paras lutut. Pendekatan ini bertujuan menyakinkan pengamal silat agar menggunakan tangan pada tempat tangan dan menggunakan kaki pada tempat kaki. Begitulah tingginya nilai yang ada dalam Seni Silat Cekak Malaysia sehingga dalam pergaduhan atau pertempuran tatasusila adab Melayu juga masih dititikberatkan (Khaharuddin, 2012: 12).

Oleh yang demikian, pergerakan buah-buah Seni Silat Cekak Malaysia juga mendidik pesilat bahawa dalam bersilat itu juga terdapat unsur keagamaan dan nilai murni baik yang ingin diterapkan. Perkara ini dapat dilihat daripada empat kaedah yang terdapat dalam Seni Silat Cekak Malaysia yang diadaptasi daripada pergerakan solat. Maka, perkara ini secara tidak langsung mendidik pesilat supaya sentiasa mengingati Allah SWT dalam setiap perkara yang ingin dilakukan. Maka, perkara ini akan mendidik sifat takwa kepada pesilat supaya sentiasa melakukan perkara yang baik dan disuruh oleh Allah SWT.

### **Penyusunan *Kitab Panduan Ibadah* dan *Kitab Barzanji* dan Marhaban**

Penyusunan *Kitab Barzanji* dan juga *Kitab Panduan Ibadah* yang telah disusun dan telah diterbitkan oleh Lembaga Pelajaran dan Tataterib, Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia. Kitab Panduan Ibadah PSSCM ini disusun secara berjilid dan terdapat tiga jilid secara keseluruhannya iaitu jilid pertama mengenai tauhid dan tasawwuf, jilid kedua adalah mengenai fekah dan jilid ketiga adalah susunan istighfar, selawat dan doa. Ketiga-tiga jilid kitab ini boleh digunakan buat semua orang Islam tidak kira ahli Silat Cekak ataupun bukan ahli kerana kitab yang disusun adalah panduan untuk seorang Muslim beribadah kepada Allah SWT.

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016), barzanji merupakan sebuah hasil sastera dalam bentuk prosa berirama dan juga puisi karangan Ja'far al-Barzanji yang meriwayatkan mengenai kehidupan Nabi Muhammad SAW. Barzanji ini sering dibaca secara berlagu. Tujuan barzanji adalah untuk mengenali dan menghayati sejarah kehidupan junjungan besar Nabi Muhammad SAW untuk membawa perubahan serta menyuburkan kecintaan kepada Baginda SAW kerana kecintaan kepada Baginda bererti kecintaan kepada Allah SWT. Justeru itu, PSSCM telah menyusun kitab barzanji untuk mendidik penuntut Silat Cekak supaya cinta akan Rasulullah serta berkebolehan untuk mendeklamasikan barzanji dalam program kerohanian seperti program Maulidur Rasul.

Maka, melalui penyusunan kitab *Panduan Ibadah* ini akan memudahkan pesilat untuk merujuk bagi melakukan ibadah sehari-hari seperti mengamalkan doa-doa harian dalam setiap perkara yang ingin dilakukan. Selain itu, *Kitab Barzanji* pula akan memupuk kecintaan pesilat kepada Baginda SAW dengan mengenali peribadi Baginda seterusnya mengikuti akhlak mulia Baginda SAW dalam kehidupan harian.

### **KESIMPULAN**

Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) merupakan sebuah persatuan seni bela diri Melayu yang masih aktif di Malaysia. Berdasarkan kajian ini, terdapat banyak amalan kerohanian di dalam PSSCM yang bertujuan mendidik akhlak. Oleh yang demikian, jelas bahawa persatuan ini bukan hanya mendidik ahlinya dari aspek persilatan iaitu mempertahankan diri, bahkan diterapkan juga unsur kerohanian iaitu peringatan sebagai seorang hamba Allah SWT.

Hasil kajian mendapati bahawa amalan kerohanian dalam PSSCM yang dibincangkan dalam kajian ini iaitu majlis ijazah, pantang larang Seni Silat Cekak Malaysia, kain putih, mandi limau, tawassul, penyusunan kitab panduan ibadah dan kitab Barzanji tidak bercanggah dengan landasan syariat Islam dan setiap satunya mendidik akhlak ahli-ahli PSSCM supaya berperilaku yang mulia.

### **RUJUKAN**

- al-Qur'an al-Karim.
- Abdul Majid Ismail & Khaharuddin Abdul Rahman. (2014). Pendidikan Akhlak Menerusi Pantang Larang dalam Seni Silat Cekak Malaysia. *Regional Conference on Local Knowledge Proceeding*, hlm. 1-19.
- Abdullah Muhammad Basmieh. (2013). *Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Cet. ke-20. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- al-Albani, M. Nashiruddin & al-'Ulyani, Ali Nafi'. (1998). *Tawassul dan Tabarruk*. Jakarta: Pustaka al-Kauthar.
- Anon. (2011). *Konvokesyen Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia 2011 Zon Timur*, 19 November: 22 – 37.

- Asmawati Suhid. (2007). Pengajaran Adab & Akhlak Islam dalam Membangunkan Modal Insan. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*. 8, 167-178.
- Awang Nazarudin Awang Drahman, Maimun Aqsha Abdin Lubis & Mohd Isa Hamzah. (2017). Amalan Kerohanian Membentuk Disiplin Pelajar. Prosiding Simposium Pendidikan Diperibadikan: Perspektif Risalah An-Nur, hlm. 28-36.
- al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Isma'il ibn Ibrahim ibn al-Mughirah ibn Bardizbah al-Ju'fi. (t.th.). *Sahih Bukhari*. t.tp.: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammed ibn Muhammad. (1980). *Terjemahan Ihya' Ulu'muddin: Jiwa Agama*. Jil. 1. Terj. Indonesia: Perc Menara Kudus.
- Farih, Amin. (2016). Paradigma Pemikiran Tawassul dan Tabarruk Sayyid Ahmad ibn Zaini Dahlani di Tengah Mayoritas Teologi Mazhab Wahabi. *Jurnal Theologia*. 27(2), 279-303.
- Halimah Ahmad. (1977/1978). Hanafi Haji Ahmad dan Seni Silat Cekak. Tesis Sarjanamuda tidak diterbitkan, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khaharuddin Abdul Rahman. (2012). Adab dan Adat dalam Seni Silat Cekak Malaysia dalam Konteks agama Islam. Prosiding Konvensyen PSSCM IPT Peringkat Kebangsaan, hlm. 3-15.
- Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman, Zuliskandar Ramli, Mohamad Zain Musa & Adnan Jusoh. (2011). *Alam Melayu: Satu Pengenalan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norhayati Rafida, Nurul Husna & Safiyyah. (2012). Perundingan Asas Penyebaran Dakwah Islam: Analisis Kerangka ke atas Perjanjian Zaman Rasulullah. *Global Journal al-Thaqafah*. 2(1), 55-68.
- Nozira Salleh. (2013). Kedudukan Tawassul dalam Islam. *al-Hikmah*. 5, 33-48.
- Silat Cekak Malaysia. (t.th.). *Perguruan*. Akses 29 Disember 2019. <https://www.silatcekak.org.my/>
- Silat Cekak Malaysia. (t.th.). *Persilatan*. Akses 29 Disember 2019. <https://www.silatcekak.org.my/>
- Syaepul Manan. (2017). Pembinaan Akhlak Mulia melalui Keteladanan dan Pembiasaan. *Jurnal Pendidikan Agama Islam – Ta'lim*. 15(1), 49-65.
- al-Tirmidhi, Abu 'Isa Muhammad ibn 'Isa al-Sulami al-Darir al-Bughi. (t.th.). *Jami' al-Tirmidhi*. t.tp.: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Udah Mohsin. (1998). Tawassul: Antara yang Disyariatkan dan yang Dipertikaikan. *Jurnal Islamiyyat*. 18 & 19, 35-45.
- Wan Mohd Dhaiyudeen Helmy Wan Mohar (pnys.). (2007). *Modul Teori Ujian Sijil Rendah PSSCM Universiti Utara Malaysia*. Sintok: PSSCM Universiti Utara Malaysia.